

MORIS, Anad. — Dr. Mahathir bin Mohamed, bekas ahli jawatankuasa kerja tertinggi UMNO Malaysia, di-duga akan kembali ka-pangkuan parti.

Apabila di-tanya mengenai kemungkinan-nya ru-jok sa-mula dalam UMNO, Dr. Mahathir berkata: "Tunggu-lah dulu. Saya sedia kembali dalam UMNO tetapi masa belum dapat di-tentukan."

Dr. Mahathir menghadiri Seminar Pemuda UMNO. Ia menyumbangkan sebuah kertas kerja bertajuk "Kesan Kejenteraan (otomasi) Di-atas Penganggaran".

Dalam masa rehat selepas Perdana Menteri Tun Abdul Razak merasmikan seminar, Dr. Mahathir kelihatan bermesra dengan sahabat2 lamanya dalam parti.

Jalan terbuka

Di-antara mereka termasuk Tan Sri Syed Nasir bin Ismail, sa-orang Naib Presiden UMNO, Menteri Besar Selangor, Dato Haji Harun bin Idris, yang juga menjadi Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan Timbalan Ketua Pemuda, Enche Musa Hitam.

Sumber2 UMNO berkata jalan telah terbuka sekarang bagi Dr. Mahathir kembali ka-pangkuan parti. "Ia akan kembali dalam UMNO sa-chara perlahan2," kata sumber2 itu.

Dato Harun dalam ucapan-nya, memberitahu peserta2 seminar bahawa ia telah meminta Dr. Mahathir menyumbangkan satu kertas kerja kerana "beliau sa-bagai bekas pemimpin parti ia boleh mengkritik kita sa-laras dengan keadaan politik di-negara kita sekarang."

"Kita sedar bahawa Dr. Mahathir telah menimbul banyak rasa tidak senang hati di-kalangan kita dan juga ia memberikan banyak harapan.

"Oleh itu, dalam seminar ini, kita berharap ia akan menchurahkan segala fikiran-nya, khusus-nya mengenai tajuk dalam kertas kerja-nya.